

27 MAY 1999

DR MAHATHIR KUNJUNGI RAJA MSWATI III DARI SWAZILAND

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengunjungi Raja Mswati III dari Swaziland, yang berada di sini untuk lawatan persendirian selepas melakukan lawatan negara ke Brunei.

Pertemuan Dr Mahathir dengan Raja Mswati dan Ratu LaNgangaza berlangsung selama 30 minit di sebuah hotel lima bintang di sini.

King Mswati, yang tiba hari ini dari Bandar Seri Begawan, akan berlepas ke Pangkor esok.

Raja Mswati melakukan lawatan negara selama tiga hari ke Malaysia pada Oktober lepas.

Swaziland terletak di antara Mozambique dan Afrika Selatan dan memperolehi kemerdekaannya dari Britain pada 1968.

-- BERNAMA  
ES RYN NMO